

Ismail Sabri mulakan tugas secara rasmi di Perdana Putra

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memulakan tugas secara rasmi di Perdana Putra di sini, semalam.

Ketibaan Ismail Sabri di blok utama Perdana Putra yang menempatkan Pejabat Perdana Menteri pada jam 8.25 pagi itu disambut Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali dan Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Jamil Rakon.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KP-PA), Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman; Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun; Ketua Polis Negara, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani dan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Affendi Buang.

Ismail Sabri yang mengenakan sut serba hitam kemudian mengimbas kad perakam waktu di pejabatnya di Aras 5.

Ahli Parlimen Bera itu kemudian mengaminkan doa dipimpin Pegawai Integriti JPM, Muhd Redza Ahmad sebelum menandatangani Buku Selamat Datang.

Ismail Sabri, 61, mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri Kesembilan pada Sabtu.

Selepas melapor diri di Perdana Putra, Ismail Sabri kemudian mengadakan lawatan kerja pertamanya ke Kedah bagi meninjau keadaan kawasan yang terjejas akibat banjir susulan fenomena kepala air dari Gunung Jerai pada Rabu lalu.

Sementara itu, Perdana Menteri Qatar yang juga Menteri Dalam Negeri, Sheikh Khalid bin Khalifa bin Abdulaziz Al-Thani mengucapkan tahniah kepada Ismail Sabri atas pelantikannya sebagai Perdana Menteri Malaysia, lapor agensi berita Qatar (QNA).



Ismail Sabri diiringi Mohd Zuki mengimbas kad perakam waktu pada hari pertama memasuki pejabat Perdana Menteri di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)